

KAEDAH BIMBINGAN SECARA INDIVIDU DAN BBM DALAM MEMBANTU MURID PEMULIHAN MENGENAL NOMBOR 1 HINGGA 5

Oleh

Hycinthanita anak Paha
hycinthanita1209@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini saya jalankan setelah mendapati Tom, seorang murid Tahun 2 masih belum dapat mengenal nombor asas 1 hingga 10. Setelah menjalani praktikum selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan St. Jonas, maka timbul keinginan dan minat saya untuk mengkaji masalah ini. Tom boleh menyebut nombor mengikut urutan dengan betul tetapi tidak dapat mengenal nombor tersebut dengan tepat. Kajian ini bertujuan untuk membantu Tom mengatasi masalah dalam mengenal nombor. Saya mengambil tindakan seperti memberi bimbingan secara individu dan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) kepada Tom di dalam kelas. Saya turut menggunakan teknik mengumpul data seperti pemerhatian, data berbentuk dokumen, dan perbualan. Setelah menjalankan bimbingan selama sebulan, usaha saya menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan Tom menunjukkan pencapaian yang positif. Kini, Tom boleh mengenal nombor 1 hingga 5 dengan tepat. Untuk tindakan seterusnya, saya akan menambah baik pelaksanaan aktiviti saya dan mengaplikasikan pengalaman semasa di sekolah.

Kata kunci: bimbingan secara individu, bahan bantu mengajar (BBM), mengenal nombor 1 hingga 5, pencapaian positif, hasil memberangsangkan.

ABSTRACT

This research was done after I realised Tom, a Year 2 pupil still cannot recognised basic number 1 to 10. After having my practicum for three months in Sekolah Kebangsaan St. Jonas, so, I become interested to study about this problem. Tom can tell the number in ascending order but he cannot recognised the number correctly. This research is to help Tom overcome his problem in recognised numbers. I take an action such as giving individual guidance and using teaching learning aids in class. I also using data collecting technique such as overview, document based data, and conversation. After having my guidance for a month, my effort show a good result and Tom show a positive achievement. Now, Tom can recognised number 1 to 5 correctly. For the next action, I will improved my activities and apply my experience when in school.

Keywords: individual guidance, teaching learning aids, recognise number 1 to 5, positive achievement, good result

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan salah seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) dari opsyen PISMP Pemulihan (BM). Pada praktikum fasa III, saya menjalani praktikum saya di SK St.Jonas (bukan nama sebenar). Sekolah ini terletak kira-kira 5 kilometer dari Kota Padawan. Sekolah ini mempunyai 6 buah kelas perdana, sebuah kelas pemulihan, dan sebuah kelas prasekolah. Sekolah ini mempunyai bilangan murid seramai 247 orang dan guru seramai 16 orang. Majoriti murid dan guru yang berada di sekolah ini adalah Bidayuh. Saya mengajar Matematik bagi Tahun 3 dan juga kelas pemulihan atau lebih dikenali sebagai Kelas Maju. Di kelas pemulihan, saya mengajar Bahasa Melayu bagi Tahun 3 dan Matematik bagi Tahun 2.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya telah menjalani praktikum saya sebanyak 3 kali. Pada praktikum fasa I, saya menjalani praktikum di SK Teluan (bukan nama sebenar). Di sekolah tersebut, saya telah mengajar Bahasa Melayu Tahun 2 dan Matematik Tahun 3. Walaupun bilangan murid di kelas pemulihan ramai, iaitu sebanyak 12 orang, namun murid agak cepat belajar dan mereka telah mencapai kemahiran yang tertinggi dalam Bahasa Melayu, iaitu kemahiran pemahaman. Begitu juga dengan subjek Matematik, saya telah mengajar murid sehingga kemahiran darab. Walaupun bagi kumpulan paling lemah, saya telah mengajar sehingga kemahiran tambah dalam lingkungan 50.

Pada praktikum fasa II, saya telah menjalani praktikum di SK St.John (bukan nama sebenar). Di sekolah tersebut, saya mengajar kelas pemulihan bagi subjek Bahasa Melayu Tahun 2 dan Matematik Tahun 3. Bilangan murid saya adalah seramai 9 orang. Pencapaian murid di sekolah ini adalah sederhana, begitu juga dengan murid yang berada di kelas pemulihan.

Praktikum fasa III di SK St.Jonas, saya mengajar Bahasa Melayu Tahun 3 dan Matematik Tahun 2. Bagi saya, praktikum III agak mencabar kerana ini merupakan kali pertama saya mengajar murid dengan kemahiran yang paling rendah, iaitu kemahiran mengenal nombor 1 hingga 10. Berbanding dengan praktikum saya yang lepas, saya mengajar Matematik Tahun 3 dan kemahiran yang saya ajar adalah kemahiran yang agak tinggi, iaitu kemahiran darab. Praktikum III ini juga agak mencabar kerana walaupun bilangan murid hanya 3 orang, tetapi tahap pencapaian mereka adalah rendah kerana mereka tergolong dalam kumpulan murid '*slow learner*'. Murid ini juga mempunyai daya ingatan yang lemah. Selepas berbincang dengan pensyarah pembimbing saya, beliau juga mencadangkan agar saya lebih banyak menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) ketika sesi P&P berlangsung.

Fokus Kajian / Isu Keprihatinan

Sepanjang sebulan lebih saya berada di sekolah tersebut, saya mendapati murid-murid saya yang berada di kelas Matematik bagi kelas pemulihan adalah murid-murid '*slow learner*'. Murid saya yang berada di dalam kelas pemulihan Matematik saya ialah Tom (bukan nama sebenar), Joshua (bukan nama sebenar) dan Tina
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

(bukan nama sebenar). Hasil daripada ujian diagnostik yang dijalankan ke atas mereka pada 2 Februari 2012, saya mendapati mereka masih belum menguasai kemahiran mengenal nombor dan saya memulakan P&P saya pada minggu seterusnya dengan mengajar konsep nombor menaik dan menurun dalam lingkungan 1 hingga 10. Walau bagaimanapun, untuk penyelidikan ini, saya hanya memilih Tom sahaja memandangkan Tina mengalami masalah kesihatan hasil daripada ujian kesihatan yang dilakukan bersama doktor pakar, manakala Joshua pula mengalami masalah kehadiran.

Ketika P&P berlangsung, saya mendapati Tom mengingat nombor dengan menghafal nombor tersebut secara urutan. Ketika melakukan urutan nombor secara menurun, semua jawapan yang diberikan adalah salah. Apabila saya menunjukkan nombor 4 dan 2 secara rawak, jawapan yang diberikan juga salah. Saya membuat pemerhatian sepanjang satu minggu tersebut untuk mengenal pasti masalah sebenar Tom. Saya dapati Tom hanya ingat nombor 1 hingga 5 mengikut urutan. Walaupun begitu, Tom hanya mengenal nombor 1 sahaja. Oleh itu, saya membuat andaian bahawa Tom tidak dapat mengingat dan mengenal konsep nombor 1 hingga 10.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan kaedah bimbingan secara individu dan bahan bantu mengajar (BBM) untuk membantu murid pemulihan mengenal nombor 1 hingga 5 dalam menambah baik amalan P&P guru dan meneliti kesan bimbingan secara individu dan bahan bantu mengajar (BBM) terhadap pembelajaran murid pemulihan.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah saya dapat menambah baik amalan sendiri dalam P&P saya menggunakan kaedah bimbingan secara individu dan bahan bantu mengajar (BBM) untuk membantu murid pemulihan mengenal nombor 1 hingga 5?
- Apakah kesan bimbingan secara individu dan bahan bantu mengajar (BBM) terhadap pembelajaran murid pemulihan?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Saya telah menjalankan satu aktiviti bimbingan intensif sebagai langkah pelaksanaan penyelidikan tindakan saya yang melibatkan jangka masa selama sebulan, iaitu daripada 26 Mac 2012 hingga 27 April 2012. Menurut Crow and Crow (1983), bimbingan merujuk pemberian bantuan atau pertolongan yang betul kepada pelajar merangkumi perkhidmatan bimbingan peribadi, sosial, pelajaran, vokasional, dan program. Saya melaksanakan aktiviti ini pada waktu Matematik di kelas pemulihan, iaitu 10 minit terakhir untuk memperkenalkan satu nombor dalam seminggu kepada Tom. Memandangkan Tom sudah kenal nombor 1, maka saya teruskan P&P dengan memperkenalkan nombor 2.

Saya juga memperuntukkan setengah jam pada hari Rabu yang saya gunakan untuk melakukan ulang kaji bagi aktiviti berkumpulan. Saya menyediakan aktiviti

yang menggunakan maujud kepada murid. Menurut Varie (2007), penggunaan bahan-bahan konkrit dalam jangka masa yang panjang dapat membantu pencapaian murid-murid dalam Matematik dan meningkatkan rasa gemar murid-murid terhadap Matematik. Antara aktiviti yang saya laksanakan ialah dengan menunjukkan kad nombor kepada murid dan juga kad gambar yang menunjukkan bilangan nombor yang ditunjukkan. Selain daripada menggunakan kad nombor dan kad gambar, saya juga menggunakan kertas surih dan kad nombor bertitik. Murid meletakkan kertas surih di atas kad nombor yang bertitik dan mula menyurih nombor tersebut. Selain daripada menggunakan bahan maujud, sebagai sampingan saya juga menggunakan alat bantu mengajar (ABM) yang berbentuk multimedia seperti video mengenai cara mengenal nombor dan menulis nombor dengan betul. Saya juga menggunakan plastisin bagi melatih pergerakan psikomotornya. Melalui manipulasi model konkrit, murid-murid berpeluang melalui pengalaman matematik yang akan membantu mereka memperoleh pemahaman konsep matematik dan seterusnya meningkatkan pencapaian dalam Matematik (Howard, Perry & Tracey, 1997).

Pelaksanaan Tindakan

Jadual 1 menunjukkan tarikh dan masa bagi setiap tindakan yang diambil dalam penyelidikan tindakan ini:

Jadual 1:

Jadual Pelaksanaan Tindakan

Tindakan	Masa	Tindakan yang diambil
Tindakan 1	0950 – 1000	Melaksanakan tindakan dengan memperkenalkan nombor kepada murid dengan menggunakan kad nombor dan gambar.
Tindakan 2	0950 – 1000	Membuat latihan kinestatik, iaitu melibatkan psikomotor murid dengan meminta murid membentuk nombor
Tindakan 3	0830 – 0900	- Menunjukkan video bagaimana untuk menulis dengan betul nombor - Latihan pengukuhan: Melakukan aktiviti menyurih nombor.
Tindakan 4	0950 – 1000	Temu bual bersama dengan murid
Tindakan 5	0950 – 1000	Temu bual bersama rakan sepraktikum
Tindakan 6	0830 – 0900	Ujian akhir


METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta kajian saya ialah Tom, murid lelaki Tahun 2 dan sepanjang sesi P&P ini, Tom seorang murid yang agak pasif dan pendiam. Namun, dia memberikan respon ketika saya bertanyakan soalan. Masalah dikenal pasti selepas saya menjalankan ujian diagnostik ke atas kelas pemulihan untuk mata pelajaran Matematik. Hasil ujian diagnostik dan pencapaiannya semasa di dalam kelas agak berbeza. Hasil ujian diagnostik menunjukkan Tom menguasai konsep nombor menaik. Apabila kelas dijalankan dan saya menunjukkan nombor 4 kepadanya, dia menjawab dengan jawapan yang salah. Begitu juga apabila saya menunjukkan nombor yang seterusnya seperti nombor 5 dan 3. Saya sedari yang dia hanya mengenali nombor 1 sahaja. Oleh itu, bagi tempoh seminggu selepas ujian diagnostik dijalankan, saya menjalankan pemerhatian untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Tom.

Etika Penyelidikan

Sebelum saya memulakan penyelidikan tindakan saya ini, saya menulis surat untuk meminta kebenaran daripada bapa Tom dan Tom sendiri bagi membenarkan saya mengambil Tom sebagai peserta kajian saya. Rajah 3.1 merupakan surat persetujuan yang perlu ditandatangani oleh saya selaku penyelidik dan Tom selaku peserta kajian saya. Bapa Tom akan menjadi saksi semasa surat ini ditandatangani.



Rajah 3.1 Surat persetujuan peserta kajian

Teknik Mengumpul Data

Teknik Pemerhatian

Dalam minggu awal praktikum, saya membuat pemerhatian terhadap Tom untuk subjek Matematik di kelas pemulihan. Saya telah membuat pemerhatian dari segi tingkah laku, sikap, penglibatan, dan pencapaian Tom sepanjang sesi P&P berlangsung. Maklumat yang saya perolehi digunakan untuk saya mengenali

*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

perwatakan serta sikap Tom. Ini akan memudahkan saya untuk mendekatinya. Antara bahan atau alat yang telah saya gunakan ketika melakukan pemerhatian ialah rakaman video, borang pemerhatian, dan nota lapangan. Fokus saya adalah tingkah laku dan kecenderungan Tom terhadap pembelajaran.

Teknik Mengumpul Data Berbentuk Dokumen

Sebagai permulaan, saya menggunakan data awal sebelum menjalankan penyelidikan tindakan saya. Antara data yang telah saya kumpul adalah maklumat latar belakang murid, rekod prestasi murid, maklumat kesihatan murid, dan hasil kerja murid seperti buku latihan murid. Kesemua data ini adalah penting untuk saya menilai tahap pencapaian Tom. Saya juga merangka rancangan atau langkah-langkah untuk penyelidikan tindakan saya. Lembaran kerja ini juga merupakan latihan tubi yang saya jalankan ke atas Tom untuk melatih Tom supaya dapat mengenal setiap nombor yang diperkenalkan. Contoh latih tubi yang saya gunakan ialah latih tubi yang berbentuk tulisan, iaitu latihan 'tracing'. Rajah 1 menunjukkan latihan 'tracing' yang saya gunakan untuk Tom manakala, Rajah 2 menunjukkan lembaran kerja atau latih tubi yang telah dilakukan.



Rajah 1: Latihan 'tracing'



Rajah 2: Lembaran kerja dan latih tubi

Ujian akhir yang dilaksanakan pada minggu terakhir saya menjalani praktikum ini untuk menguji tahap kefahaman dan pencapaian murid sepanjang saya melaksanakan penyelidikan tindakan saya ini. Ujian akhir ini, saya telah melihat banyak perkembangan pada Tom walaupun hanya melibatkan nombor 1 hingga 5.

Teknik Perbualan

Saya telah memilih untuk melakukan perbualan bersama Tom dan rasionalnya saya memilih perbualan ini adalah kerana Tom merupakan seorang murid yang agak pendiam dan kurang bercakap. Dengan perbualan ini, Tom dapat memberikan respon dengan selesa dan sebelum temu bual ini dijalankan, saya juga telah memberitahu Tom ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan tindakan saya dan dia tidak perlu berasa takut. Perbualan yang telah saya lakukan adalah untuk mengesan perasaan murid ketika menggunakan bahan maujud ketika P&P berlangsung di dalam kelas. Berikut merupakan beberapa contoh soalan yang telah saya gunakan semasa menjalankan perbualan bersama Tom pada minggu terakhir saya berada di sekolah tersebut, iaitu pada.

Contoh soalan yang telah digunakan:

- a. *Apa yang kamu rasa selepas menggunakan bahan-bahan ini?*
- b. *Kamu rasa yang kamu sudah kenal kesemua nombor yang kamu pelajari?*
- c. *Kamu akan menggunakan cara ini untuk membantu kamu dalam mengenal nombor yang seterusnya?*

Teknik Menganalisis Data

Analisis Dokumen

Analisis kandungan telah saya gunakan untuk membuat analisis bagi setiap data yang telah saya kumpul seperti data pemerhatian, data berbentuk dokumen, dan data temu bual. Dari segi pemerhatian, saya telah membuat nota lapangan bagi setiap sesi P&P yang saya laksanakan dan saya juga telah membuat penganalisisan nota lapangan tersebut. Di dalam nota lapangan tersebut, saya telah meneliti setiap tingkah laku murid, perasaan murid ketika mengikuti sesi P&P, tindak balas mereka, pergerakan, kerenah, ekspresi muka dan perkembangan murid.

ANALISIS KANDUNGAN HASIL PEMERHATAN (NOTA LAPANGAN)				
Peserta kajian				Perkara
Tom				
P&P 1	P&P 2	P&P 3	P&P 4	
/	/	/	/	Teruja
/	/	/	/	Seronok
/	/	/	/	Yakin
/	/	/	/	Gemar menggunakan BBM untuk mengenal nombor
/	/	/	/	Menumpukan perhatian ketika di dalam kelas
/	/	/	/	Menjawab soalan yang ditanya oleh guru

Jadual 3 : Hasil Analisis Nota Lapangan

Bagi data berbentuk dokumen pula, saya menganalisis kandungannya berdasarkan pencapaian yang diperoleh oleh setiap murid sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Antara data berbentuk dokumen yang telah saya laksanakan ialah ujian diagnostik, lembaran kerja 1, lembaran kerja 2, dan ujian akhir. Analisis kandungan terakhir dalam kajian ini ialah analisis kandungan perbualan. Rajah 8 menunjukkan sedutan data perbualan bagi Tom. Daripada perbualan berikut, perasaan yang terdapat dalam diri peserta kajian difokuskan.

Saya	: Apakah yang sedang kamu lakukan?
Tom	: Main nombor.
Saya	: Kamu main nombor dengan apa?
Tom	: Ada kad, tanah liat, kertas, buah
Saya	: Apakah perasaan kamu selepas menggunakan bahan-bahan ini?
Tom	: Seronok
Saya	: Adakah kamu rasakan yang kamu sudah kenal kesemua nombor yang kamu pelajari?
Tom	: Ingat juga
Saya	: Adakah kamu akan gunakan cara ini untuk kenal nombor yang seterusnya?
Tom	: (Menganggukkan kepalanya)
Saya	: Sekarang, kamu tunjukkan cikgu nombor 4
Tom	: (Mengambil dan menunjukkan kad nombor 4 sambil tersenyum)

TB1/2012/PEM

Rajah 8: Sedutan temu bual bersama Tom

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

1. **Apakah kesan bimbingan secara individu dan bahan bantu mengajar (BBM) terhadap pembelajaran murid pemulihan?**

Pada kali pertama saya memulakan sesi P&P bersama Tom, saya dapati Tom begitu yakin dengan jawapan yang diberikannya apabila saya memintanya untuk menulis nombor yang saya sebutkan kepadanya. Keadaan ini tidak hanya berlaku dalam kemahiran menulis sahaja, malah semasa kemahiran lisan juga dia akan melakukan kesilapan yang sama. Masalah ini dikesan selepas saya menjalankan ujian diagnostik terhadap Tom pada 31 Januari 2012. Semasa ujian bertulis, Tom tidak dapat menjawab soalan bagi urutan menaik dan menurun, tetapi ketika ujian lisan dilakukan, dia boleh menyebut nombor 1 hingga 10 dengan urutan yang betul. Oleh itu, dalam penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan pendekatan bimbingan secara individu bagi membantu Tom mengatasi masalah dalam mengenal nombor. Menurut Crow and Crow (1983), bimbingan merujuk pemberian bantuan atau pertolongan yang betul kepada pelajar merangkumi perkhidmatan bimbingan peribadi, sosial, pelajaran, vokasional, dan program. Sebagai seorang guru pemulihan, bimbingan secara individu senang untuk saya dilaksanakan memandangkan bilangan murid adalah sedikit. Ini memberikan saya lebih banyak masa untuk membantu dan membimbing Tom. Oliver Jangko (2005) dalam kajiannya ke atas peserta kajiannya yang berkaitan dengan kebolehan menyebut abjad dengan betul telah memperuntukkan masa selama sepuluh minit setiap hari dalam tempoh lima bulan untuk membimbing peserta kajiannya. Selain daripada menggunakan kaedah bimbingan secara individu, saya juga akan menggunakan BBM untuk membantu saya memperkenalkan nombor kepada Tom. Menurut Varie (2007), penggunaan bahan-bahan konkrit dalam jangka masa yang panjang dapat membantu pencapaian murid-murid dalam Matematik dan meningkatkan rasa gemar murid-murid terhadap Matematik. Bahan konkrit tidak seharusnya dihadkan kepada penerangan dan demonstrasi di hadapan kelas sahaja tetapi murid-murid sendiri diberi peluang untuk menggunakan bahan konkrit dengan cara yang bermakna. Dengan cara ini, murid-murid dapat mengaplikasi dan memahami konsep Matematik yang mereka pelajari. Satu penyelidikan yang menunjukkan bahawa penggunaan manipulasi berupaya membantu murid yang lemah dalam Matematik ialah "How Manipulatives Affect the Mathematics Achievement of Students in Nigerian Schools" yang dijalankan oleh Aburime (2007). Analisis statistik dalam kajian beliau mendapati pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen yang diajar menggunakan manipulasi adalah lebih baik dari segi pencapaian berbanding dengan kumpulan kawalan yang diajar tanpa penggunaan manipulasi.

Oleh itu, pada minggu pertama saya menjalankan penyelidikan tindakan saya, iaitu pada 26 Mac 2012, saya telah menjadikan kemahiran mengenal nombor sebagai fokus utama saya dalam Rancangan Pengajaran Individu (RPI) saya. RPI mengandungi matlamat dan objektif berdasarkan pencapaian sedia ada murid. Dalam RPI, guru akan menetapkan matlamat dan jangka masa yang akan digunakan untuk mencapai matlamat tersebut. Jadual 3 menunjukkan hasil pembelajaran saya yang telah saya tetapkan untuk Tom.

Pengetahuan Sedia Ada :


1. Tom sudah dapat menyebut nombor 1 hingga 10 mengikut urutan.

Matlamat :

1. Tom boleh **mengenal dan menyebut nombor 1 hingga 5 secara rawak.**


Jadual 3: Fokus dan matlamat dalam Rancangan Pengajaran Individu (RPI) yang bertarikh 26 Mac 2012.

Rajah 6 merupakan antara BBM yang telah saya gunakan semasa melakukan pengajaran secara individu bersama Tom.



Rajah 6: BBM yang telah digunakan sepanjang penyelidikan tindakan.

Berdasarkan rajah 6, saya mendapati Tom sudah mula menguasai kemahiran mengenal nombor dari 1 hingga 5. Selain itu, untuk melihat keberkesanan kaedah yang saya gunakan, saya telah memberikan ujian akhir pada Tom pada 25 April 2012. Rajah 6 menunjukkan senarai semak bagi ujian lisan dan ujian bertulis yang telah dijalankan terhadap Tom.



Rajah 6 : Senarai semak ujian lisan dan ujian bertulis yang bertarikh 25 April 2012.

Secara kesimpulannya, kaedah bimbingan secara individu dan BBM yang saya laksanakan berkesan terhadap Tom dan saya berharap saya akan dapat meneruskan kaedah dan usaha saya ini untuk membantu murid-murid yang lain.

2. Bagaimanakah saya dapat menambah baik amalan sendiri dalam P&P saya menggunakan kaedah bimbingan secara individu dan bahan bantu mengajar (BBM) untuk membantu murid pemulihan mengenal nombor 1 hingga 5?

Selain dapat membantu Tom dalam pelajarannya, sekaligus saya dapat mewujudkan hubungan yang erat antara saya dan Tom. Tidak seperti pada kali pertama saya mengenali Tom, kini Tom tidak lagi berasa takut atau malu ketika berada di dalam kelas. Begitu juga Tom sudah tidak malu lagi untuk menjawab sebarang soalan yang saya utarakan. Jika sebelum ini Tom menjawab soalan tanpa berfikir dahulu, namun sekarang, dengan berbantuan BBM yang telah disediakan, Tom mula menjawab setiap soalan dengan berhati-hati. Berdasarkan rajah 4.7, dapat dijelaskan bahawa melalui pertemuan yang kerap diadakan, saya secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan saya dengan Tom dan mengetahui masalah-masalah lain yang dihadapi oleh Tom.



Rajah 4.7 : Sesi bimbingan secara individu sedang dijalankan bersama Tom.

Selain dapat membina hubungan yang baik dengan murid, saya juga dapat membaiki kemahiran dan pendekatan saya dalam memberikan bimbingan kepada Tom. Pelbagai teknik dan aktiviti yang telah saya laksanakan sepanjang saya melakukan bimbingan secara individu bersama Tom. Saya memperoleh teknik dan pendekatan ini melalui pembacaan saya melalui buku dan internet dan perbincangan bersama guru dan rakan sepraktikum. Dengan terlaksananya teknik dan aktiviti tersebut, secara tidak langsung, saya telah mengasah kemahiran dalam bimbingan saya serta menimba pengalaman dan pengetahuan baru dengan melakukan inovasi dalam pengajaran saya.

Melalui kaedah bimbingan secara individu ini, saya telah menyedari bahawa kita sebagai guru seharusnya bijak dalam mempelbagaikan bahan sumber untuk digunakan ketika sesi P&P. Dalam penyelidikan saya sendiri, saya turut menggunakan BBM kerana ia akan membantu saya dalam membantu murid saya mengenal nombor. Lebih-lebih lagi bagi murid-murid pemulihan. Menurut Varie (2007), penggunaan bahan-bahan konkrit dalam jangka masa yang panjang dapat membantu pencapaian murid-murid dalam Matematik dan meningkatkan rasa gemar murid-murid terhadap Matematik

Refleksi Penilaian tindakan

Melalui dapatan yang telah saya kumpul sepanjang saya menjalankan kajian ini, banyak perkembangan yang telah kelihatan pada diri Tom. Ini jelas memberikan gambaran bahawa bermula dengan tidak mengenal nombor 1 hingga 5 yang ditunjukkan secara rawak, kini Tom sudah mengenal nombor tersebut dengan baik. Tom kini sudah dapat mengenal nombor 1 hingga 10 dengan baik sekembalinya saya untuk menjalani internship. Menurut Crow and Crow (1983), bimbingan merujuk pemberian bantuan atau pertolongan yang betul kepada pelajar merangkumi perkhidmatan bimbingan peribadi, sosial, pelajaran, vokasional, dan program. Oleh itu, ini memudahkan saya untuk menjalankan kaedah ini memandangkan hanya Tom sahaja peserta kajian saya.

Menurut Mohd.Izham (2007), murid akan menjadi lebih seronok dan tidak bosan dengan P&P guru kerana terdapat sesuatu yang baru setiap kali menyampaikan P&P mereka. Bahan maujud perlu ada dalam setiap P&P, lebih-lebih bagi murid 'slow learner' kerana bahan maujud ini dapat membantu mereka dalam pemahaman mereka tentang apa yang diajar. Apabila saya menggunakan BBM
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

semasa menjalankan bimbingan bersama Tom, saya mendapati Tom semakin bersemangat dan seronok. Perkara ini bukan hanya berlaku pada Tom sahaja, malah rakan-rakannya yang lain juga menunjukkan perubahan apabila saya menggunakan BBM ketika sesi P&P. Ini menunjukkan bahawa penggunaan BBM ketika sesi P&P banyak membantu, terutamanya bagi murid pemulihan kerana ia akan membantu mereka memahami apa yang telah mereka pelajari.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sebagai seorang bakal guru, saya seharusnya sentiasa berfikiran positif walaupun dibebani dengan beban tugas yang tidak dapat dielakkan serta kekangan masa ketika menjalankan tugas agar saya dapat memberikan pendidikan yang berkualiti selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu *"...melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri..."*

Oleh itu, sepanjang saya melaksanakan penyelidikan tindakan ini, pengalaman yang saya perolehi amat bermakna dan bernilai sekali kerana ini merupakan kali pertama saya melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan dan banyak perkara baharu yang telah saya perolehi. Hal ini kerana, di samping saya dapat membantu Tom dalam mengenal nombor, secara tidak langsung, saya juga telah menambah baik amalan P&P saya. Saya perlu lebih peka dan prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak murid saya untuk membantu murid kita mengatasi masalah tersebut. Selain daripada membantu saya mengatasi masalah anak murid saya, saya sedari bahawa penyelidikan tindakan ini telah membantu mewujudkan hubungan yang baik dan erat antara saya dan Tom. Dalam masa yang agak singkat sahaja, saya berjaya mewujudkan hubungan yang baik bersama Tom kerana dia lebih banyak menghabiskan masa bersama saya ketika saya menjalankan aktiviti bimbingan secara individu ini. Walaupun sifat pendiam Tom agak sukar untuk dikikis, namun, semasa sesi P&P saya, dia memberikan respon yang agak baik dan dia lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan saya.

Saya juga dapat menambah baik amalan profesional saya dalam P&P pemulihan. Hal ini kerana, saya akan cuba untuk membaiki amalan sendiri saya dalam P&P. saya juga menggunakan pendekatan dan teknik yang berlainan bagi memaksimumkan tahap pemahaman murid terhadap kemahiran yang diajar oleh saya pada hari tersebut. Bahkan, sepanjang penyelidikan tindakan ini juga saya sedari bahawa pembacaan buku-buku ilmiah memberikan banyak faedah kepada saya. Saya banyak melakukan pembacaan buku-buku ilmiah ini dan merujuk artikel serta jurnal penyelidikan bagi mendapatkan rujukan tambahan dan membantu saya dalam menguasai aspek mengenal nombor. Saya telah mendapat banyak input dan pengetahuan baharu yang banyak membantu saya melaksanakan penyelidikan tindakan dan amalan profesionalisme saya sebagai seorang bakal guru.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Hasil daripada penyelidikan saya ini, masalah murid yang dikenal pasti, iaitu masalah mengenal nombor berpunca daripada pelbagai faktor. Salah satu faktornya ialah kurangnya bimbingan daripada guru, terutamanya ketika murid berada di dalam kelas perdana. Seperti yang kita tahu, bilangan murid di dalam kelas perdana adalah ramai dan ini adalah sukar bagi seseorang guru untuk melakukan bimbingan secara individu terhadap murid yang lemah.

Oleh itu, kajian ini perlu diteruskan sama ada pada kemahiran yang sama atau kemahiran yang berbeza kerana pencapaian murid banyak bergantung kepada amalan P&P seseorang guru itu. Jika saya menemui murid yang lain yang mempunyai masalah yang sama seperti Tom, saya akan melaksanakan tindakan dan kaedah yang sama kerana saya mendapati kaedah yang saya gunakan telah menampakkan perubahan yang positif dan baik. Saya juga akan memastikan kaedah bimbingan secara individu dan penggunaan BBM ini akan dijalankan secara kerap agar saya akan mendapat hasil yang lebih positif dan memuaskan.

RUJUKAN

- David Morris. (2010). *Are teachers technophobes: Investigating professional competency in the use Of ICT to support teaching and learning? In Procedia In Social An Behavioral Sciences 2*. Page: 4010 – 4015
- Farrant J. S. (1977). *Prinsip Dan Amali Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamal Basha Madarsha, et. Al. (1987). *Pola Penggunaan Alat Bantu Mengajar oleh Guru Pelatih*
- Ng Ying Shya.(2004). *Amalan Penggunaan Alat BANTU Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Tenikal Sekolah Menengah Teknik Negeri Kedah.UTM*. Diperolehi 17 Mac 2012 daripada http://www.fp.utm.my/e_pusatsumbe/pdf/fail/ptkghdfwp/ngyingshya_ap_00332d2004ttp.pdf
- Noraini Idris. (2006). *Teaching and Learning Of Mathematics: Making Sense and Developing Cognitives Abilities*. Kuala Lumpur. Utusan Publications&Distributors Sdn.Bhd.
- Norazila Ariff & Norazlina Yusop. (2003). *Hubungan Peranan Ibu Bapa dan Kaedah Pengajaran Guru Dalam Mempengaruhi Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Matematik*. Laporan Penyelidikan Yang tidak Diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia